

MPK Prihatin



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran, 41673 Klang, Selangor, Darul Ehsan
www.mpklang.gov.my

Pengenalan

MPK Prihatin merupakan satu motto terkini yang dilancarkan oleh MPK meliputi pelbagai aspek dalam sistem penyampaian awam di bandar Diraja ini dan melibatkan kesemua jabatan serta ahli majlis. MPK Prihatin telah memulakan aktiviti pertamanya sejak Disember 2010.



Senyum Adalah Prihatin

"Senyumlah kepada pelanggan anda sebagai tanda prihatin dan pelanggan senyum puas dengan perkhidmatan anda"

"Suburkan budaya SENYUM di Majlis Perbandaran Klang"



Prihatin Di Kaunter Pelanggan

Satu kaunter prihatin telah dibuka oleh JKPA untuk menerima dalam penduduk dan menerima sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat.

Sebagai pihak hadapan dalam mendasari maklumat majlis, JKPA telah menguar-uarkan konsep ini dengan menggunakan pelbagai medium media antaranya suratkhbar, televisyen dan laman berita online di internet. Penghebahhan berterusan ini mendapat reaksi positif daripada penduduk setempat dan kaedah lain turut disertakan antaranya pendedaran risalah, banting dan poster MPK Prihatin.



Prihatin Terhadap Media

- 1 - response
- portal MPK prihatin
- Buletin bulanan
- e-aduan
- Laman sosial MPK prihatin (Facebook, Twitter)
- Akhbar
- Lain-Lain (Portal Komuniti kini, Blog Klang Shine, Blog Info Klang)



SelangorTimes

METRO

selangor
kini

Prihatin Terhadap Kakitangan

Memberikan anugerah, bantuan, dan sumbangan kepada kakitangan yang berkhidmat dengan cemerlang dan kakitangan yang ditimpa bencana.

Menyampaikan maklumat dan informasi dari Jabatan-Jabatan MPK kepada warga Klang.



Prihatin Melalui Sukan

Memberikan publisiti yang meluas terhadap kegiatan yang akan dan telah dijalankan oleh Kelab Sukan MPK.



Prihatin Terhadap Pelanggan Luar



Prihatin Terhadap Kebersihan

Selain daripada penguatkuasaan berkaitan kutu sampah, majlis melalui Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Perkhidmatan Persekitaran turut mengadakan kempen kesedaran di kalangan orang ramai dengan memberi nasihat kepada pesalah yang berkenaan.

Kaedah ini berkesan di mana individu yang diberi penerangan berkaitan tanggungjawab dalam menjaga kebersihan memberi reaksi positif terhadap usaha yang dijalankan MPK itu.



Program Mesra Rakyat

Mengadakan gotong-royong bersama warga Klang. Menjalankan kegiatan tanaman semula di Sungai Klang.



Prihatin Orang Kurang Upaya (OKU)

Menyediakan prasarana dan perkhidmatan untuk OKU.

Meluaskan kefahaman kepada warga Klang kemudahan yang disediakan untuk OKU melalui publisiti meluas.



Prihatin Warga Emas

Sedia kerusi roda di lobi ibu pejabat.

Membantu warga tua yang memerlukan bersama Ahli Majlis MPK.



Infrastruktur

Memberikan maklumat dan Info kepada warga Klang mengenai kemudahan yang telah disediakan oleh MPK.

Mengambil tindakan terhadap aduan warga Klang mengenai hal ehwal infrastruktur yang berkait bidang kuasa MPK.



Program Mentor Mentee

Memberi penghargaan dan galakan kepada kakitangan yang cemerlang dalam aktiviti luaran termasuk bidang sukan.



Turun Padang

Paparan turun padang oleh majlis melibatkan jabatan dan ahli majlis telah dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat peka dan berasa dekat dengan MPK kelak. Penglibatan pelbagai jabatan dalam aktiviti turun padang itu menampakkan keberkesanan apabila beberapa masalah telah dapat diatasi di kawasan ini.



'Personal Touch' Sentuhan Peribadi

Pengurusan tertinggi tidak hanya memberi arahan tetap turun padang sendiri dengan rasa penuh tanggungjawab untuk meneliti permasalahan kerja serta berusaha menyelesaikannya. Sentuhan peribadi yang diberikan kepada setiap satu keperluan kerja serta aduan rakyat akan memastikan sikap keprihatinan diperkukuhkan dan jalinan komunikasi persahabatan membentuk semangat cintakan bandar Diraja ini, bersama.



Prihatin Terhadap Jabatan Kerajaan & Delegasi Luar Negara

Berperanan tampil ke depan memberikan maklumat dan info MPK kepada Jabatan Kerajaan dan delegasi luar.



Senarai Semak MPK Prihatin

- Budaya Senyum
- Kaunter
- Kakitangan
- OKU
- Sungai & Saliran
- Lanskap
- Kebersihan
- Warga Emas
- Jabatan Kerajaan & Delegasi Luar
- Sukan
- Pelanggan Luar
- Mesra Rakyat
- Infrastruktur
- Mentor Mentee



MPK Prihatin



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran, 41675 Klang, Selangor Darul Ehsan
www.mpklang.gov.my